

# Siapalah saya - Dr Mahathir

LANGKAWI 28 Jun - "Sememangnya sudah cukup," demikian reaksi bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad apabila ditanya mengenai gesaan menteri Kabinet dan menteri besar supaya beliau berhenti mengkritik kerajaan.

Katanya, beliau 100 peratus setuju dengan gesaan tersebut dan keputusan para menteri itu perlu dihormati.

"Mereka adalah menteri. Kita harus hormat menteri. Siapalah saya. Saya tiada apa-apa. Saya pun dah bersara," katanya ketika ditemui pemberita selepas menghadiri satu mesyuarat di Telaga Harbour Park di sini hari ini.

Dr. Mahathir mengulas laporan akhbar hari ini mengenai gesaan menteri Kabinet dan beberapa menteri besar supaya beliau berhenti daripada terus menghentam kerajaan.

Menurut mereka, kenyataan bekas Perdana Menteri itu berbahaya dan boleh digunakan oleh pembangkang untuk melemahkan kerajaan dan mengelirukan rakyat.

Mengulas mengenai khabar angin yang menyatakan beliau tidak berpuas hati dengan pembatalan beberapa projek mega kerana mempunyai kepentingan ke atasnya, Dr. Mahathir sekali lagi dengan sinis berkata: "Saya kehilangan segala-galanya kerana saya melabur kesemuanya ke dalam projek-projek kepunyaan saya.

"Mereka boleh menyiasat banyak mana saya telah melabur untuk kesemua projek ini," katanya.

Dr. Mahathir menambah, beliau kini sedang beralih arah kepada perniagaan roti memandangkan kegagalan 'projek meganya'. Sekarang saya nak jual roti benggali," ujarnya.

Dr. Mahathir menjelaskan beliau 'menyokong' pengambilalihan laluan penerbangan domestik oleh AirAsia Bhd.

"AirAsia lagi cekap daripada MAS. Saya sokong 100 peratus AirAsia mengambil alih kesemua laluan domestik" katanya.